



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**SUMBANGAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI JOHOR**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) prihatin terhadap mangsa-mangsa banjir yang terkesan di Negeri Johor. Oleh itu, YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia telah melakukan penyerahan sumbangan kepada YBrs. Tuan Hussain bin Moh, Timbalan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), selaku wakil penyelaras pengurusan bencana negara Negara.
2. KSM telah menyumbangkan barang keperluan rumah seperti 50 unit dapur gas, 50 unit cerek elektrik dan 50 unit alas tidur tebal. Semoga bantuan ini dapat meringankan beban kepada mangsa-mangsa yang terkesan.
3. KSM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat untuk membantu mangsa yang terkesan dalam bencana alam. Selain itu, KSM juga sentiasa mengalakkan pihak industri bersama-sama pihak kerajaan dalam menghulurkan bantuan kepada semua mangsa bencana yang terlibat pada masa akan datang.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
17 MAC 2023  
PUTRAJAYA**